

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 10 JANUARI 2019

SINAR HARIAN • KHAMIS 10 JANUARI 2019 23

KUALA SELANGOR. TANJONG KARANG

© BERSEKUTU MUKA KUALA SELANGOR: ARZIANA MOHAMMAD AZAMAN - 019-6660950 / 019 6660275

Mohon jeti usang dinaik taraf

Penduduk, nelayan mahu binaan lebih kukuh untuk keselamatan

ARZIANA MOHAMMAD AZAMAN

PASIR PENAMBANG

MOHD FADZIL



jualan pelbagai jenis ikan, udang dan sotong selain restoran makanan laut serta agensi pelancongan.

Ketua pangkalan, Arzzuri Ramli, 39, berkata, jeti itu dibangunkan pada 2011 hasil gotong-royong penduduk khususnya Taman Bayu dan nelayan setempat.

Menurutnya, jeti kayu itu asalnya dibangunkan penduduk di Taman Bayu yang kebanyakannya nelayan sambil bagi memudahkan mereka turun ke laut untuk mencari hasil sungai dan laut.

"Dulu lokasi jeti ni hanyalah ban kosong yang kami bangunkan pondok kecil untuk 'port' lepak dan rekreasi petang atau hujung minggu. Penduduk taman selalu berkumpul di jeti ini untuk cari hasil sungai.

"Bagaimanapun kawasan ini banyak berubah dan membangun dengan pelbagai kedai makanan laut dan perusahan pelancongan," katanya.

Arzzuri berkata, pihaknya sebelum ini pernah memanjangkan permohonan untuk menaik taraf jeti kayu kepada binaan lebih kukuh demi keselamatan nelayan dan penduduk setempat.

"Dari zaman Adun BN kami panjangkan permohonan dan dulu pernah lulus peruntukan tapi disebabkan pertukaran tampuk kerajaan,

semuanya tak menjadi.

"Jadi, sekarang ni kami mohon wakil rakyat PKR turun padang dan lihat sendiri keadaan jeti kayu ini yang senget dan agak berbahaya kepada nelayan.

"Kalau boleh, bangunkanlah jeti ini supaya lebih selamat dan selesa," katanya.

Arzzuri berkata, banyak sejarah sebelum nelayan Melayu dapat membina jeti kayu di kawasan terbabit dan sayang sekali jika dibiarkan terus usang tanpa pembelaan.

Seorang lagi penduduk, Mohd Fadzil Misbari, 39, berkata, belum ada pembangunan untuk jeti diluluskan dan dia berharap ada sinar baharu buat Jeti Melayu Bagan Sungai Yu untuk tahun ini.

info

Jeti dibangunkan pada 2011 hasil gotong-royong penduduk

Arzzuri (kanan) berbincang dengan penduduk Taman Bayu mengenai permohonan naik taraf jeti terbabit.